

Headline	FRIM terlibat dalam penilaian status konservasi kelip-kelip IUCN		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	03 Jul 2022	Color	Black/white
Section	News	Circulation	31,034
Page No	13	Readership	93,102
Language	Malay	ArticleSize	127 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 473
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,420



FRIM terlibat dalam penilaian status konservasi kelip-kelip IUCN

KUALA LUMPUR: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) terlibat dalam bengkel bagi melaksanakan penilaian terhadap kelip-kelip Asia Tenggara dan Eropah, di Parque Biologico de Gaia, Portugal, baru-baru ini.

FRIM dalam kenyataan semalam memaklumkan Bengkel Penilaian Senarai Merah Kelip-Kelip Kesatuan

Antarabangsa Untuk Pemuliharaan Alam Sekitar (IUCN) itu disertai Pegawai Penyelidik Entomologi institut itu, Dr Nada Badruddin.

Bengkel pada 19 dan 20 Jun itu dianjurkan oleh IUCN, IUCN Survivor Commission (IUCN SSC) Firefly Specialist Group (FSG) dengan sokongan Fireflyers International Network (FIN) yang diser-

tai pakar termasuk dari Malaysia, Singapura, Thailand, Hong Kong, Sepanyol, Belgium, Portugal dan Amerika Syarikat.

"Penilaian status pemuliharaan kelip-kelip Asia Tenggara dan Eropah ini adalah yang pertama kali dilaksanakan dan ia merupakan perkembangan positif terutama bagi usaha pemuliharaan kelip-kelip di rantau

ini dan Malaysia khususnya," menurut kenyataan itu.

Menurut FRIM, kelip-kelip merupakan serangga yang mempunyai nilai tarikan tersendiri dan ikon pelancongan di Malaysia.

Kelip-kelip terutama daripada genus *Pteroptyx* mendiami kawasan sungai yang mengalami pasang surut dan di kawasan bakau tertumpu di rantau Asia Tenggara.

Menurut FRIM, di Malaysia, kelip-kelip merupakan tarikan pelancongan yang menyumbang kepada sosio-ekonomi penduduk tempatan namun habitat dan populasi serangga itu terus menghadapi pelbagai ancaman daripada pembangunan, gundahan dan pencemaran.

FRIM memaklumkan pihaknya melakukan pemantauan populasi kelip-

kelip di Sungai Selangor secara bulanan sejak 2006 dan mengenal pasti populasi tersebut menunjukkan aliran menurun, justeru usaha pemuliharaan perlu terus dipergiatkan.

Senarai Merah IUCN merupakan sumber informasi komprehensif peringkat global bagi mengetahui status pemuliharaan spesies haiwan, kulat dan tumbuhan

serta penunjuk penting bagi mengetahui tahap kesihatan biodiversiti di bumi.

Bukan sekadar satu senarai spesies dan statusnya, Senarai Merah juga adalah medium untuk memaklumkan dan meningkatkan usaha pemuliharaan biodiversiti serta perubahan dasar berkaitan pemuliharaan sumber semula jadi.

— Bernama